



KOLEJ POLY-TECH MARA

KENYATAAN SEBUT HARGA



1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN KERJA-KERJA MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL DI LOT 6971 (A2) UNTUK DIJADIKAN PEJABAT DI PLAZA GALAS, BANDAR GUA MUSANG, KELANTAN UNTUK KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM) GUA MUSANG

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH PELAWAAN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
KPTM/SH/HQ/27/25	Mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor seperti berikut: CIDB: Gred G1 Pengkhususan: E04 - Pemasangan voltan rendah / E11 - Kerja am elektrik	9/11/2025 Hingga 14/11/2025	Tarikh: 9/11/2025 (Ahad) Masa: 9.30 Pagi Tempat: Bilik Mesyuarat Pejabat MARA Daerah Gua Musang Bandar Baru Gua Musang, 18300 Gua Musang, Kelantan	RM10.00	Tarikh 17/11/2025 (Isnin) Sebelum 12.00 tengah hari

2. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan menghadiri sesi taklimat.
 - i) Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB)
 - ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Dengan Kementerian Kewangan Malaysia
3. Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **KPTMSB** semasa menghadiri taklimat. **KPTMSB** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan KPTMSB adalah tidak layak.
4. Dokumen boleh didapati pada waktu pejabat seperti di **jadual di Para 1** yang beralamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan diedarkan selepas tempoh tersebut.
5. **Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebutharga dan mengambil dokumen. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebutharga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh KPTMSB semasa menghadiri taklimat tender.
6. Semua kos berkaitan dengan tawaran di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
7. **KPTMSB** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **KPTMSB** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. **Dokumen** yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebutharga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

**PENGARAH KANAN
JABATAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN ASET
ARAS 4 IBU PEJABAT KOLEJ POLY-TECH MARA
JALAN 7/91 TAMAN SHAMELIN PERKASA,
56100 CHERAS, KUALA LUMPUR**

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen Sebut Harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup Sebut Harga tidak akan diterima dan ditolak.

Tarikh iklan : 6/11/2025